

# Program baru KUIIM jayakan RMK-9

OLEH ZUARIDA MOHYIN  
GAMBAR HARUN OSMAN

**B**ERMULA Julai 2006 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke-12, Kolej Universiti Islam Malaysia atau KUIIM telah menambah dua lagi program peringkat Sarjana Mudanya iaitu Sarjana Muda Perakaunan (Keupujian) dan Sarjana Muda dengan Keupujian (Matematik Kewangan). Selain itu, satu program baru di peringkat tamhidi (matrikulasi) iaitu Program Tamhidi Perakaunan dan Muamalat.

Timbalan Rektor (Akademik & Pengantarabangsaan), Profesor Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah berkata, program-program di atas berjaya dilaksanakan setelah mendapat kelulusan dari Kementerian Pengajian Tinggi baru-baru ini.

Malah pengenalan tiga program baru ini menjadikan sebanyak 18 program setakat ini yang ditawarkan KUIIM. Kini KUIIM mempunyai tujuh fakulti iaitu; Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Fakulti Sains dan Teknologi, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah dan Fakulti Pengajian Bahasa Utama.

"Ini secara tidak langsung turut menyumbang kepada usaha pelaksanaan lima teras utama dalam Misi Nasional Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Menerusi program-program yang ditawarkan di sini, KUIIM berkeyakinan mengeluarkan para graduan berkualiti sekali

gus mampu memberikan sumbangan terutamanya dalam pembinaan modal insan," katanya kepada Utusan Malaysia selepas Majlis Pelancaran promosi KUIIM-Utusan di pejabatnya, baru-baru ini.

Menurutnya lagi, dari segi pengajian, KUIIM memang berbeza jika dibandingkan dengan institusi pengajian tinggi yang lain.

"Kalau di awal penubuhan dulu, KUIIM menjurus kepada pengajian Islam tradisional tetapi kini telah berkembang menjadi sebuah universiti pengajian tinggi awam yang menawarkan pelbagai program pengajian.

"Pun begitu, ia tidak bermakna ia telah tersasar daripada landasan atau matlamat penubuhan KUIIM iaitu memberi satu perspektif baru kepada bidang pengajian Islam.

"Kita cuba memperbetulkan persepsi masyarakat yang sebelum ini menganggap pengajian Islam sekadar merangkumi bidang Usuluddin, Syariah, bahasa Arab tetapi sebenarnya di KUIIM kami menawarkan pengajian Islam yang mencakupi pelbagai bidang seperti; bidang perubatan, komunikasi, kaunseling, ekonomi dan banyak lagi," jelasnya ini selari dengan *niche* atau ceruk yang dipilih KUIIM iaitu Pengajian Islam merentasi semua cabang ilmu.

Hakikatnya, KUIIM hendak melahirkan siswazah yang bersepadu dari segi kemahiran bidangnya dan mempunyai pendidikan pengajian Islam yang kukuh.

Di samping itu, kelebihan dalam tiga bahasa iaitu bahasa Arab, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu diharap membantu mereka untuk pergi lebih jauh.

Tambah beliau, kesempatan sebegini wajar direbut apalagi dengan kesukaran mendapatkan pekerjaan masa kini. Malah ia memberi peluang kepada produk KUIIM untuk menimba pengalaman di luar negara.

Menyentuh usaha KUIIM di peringkat pengantarabangsaan, akui Dr. Mohamed Asin biarpun banyak bergantung kepada program siswazah, penekanan kepada penggunaan bahasa Arab dan bahasa Inggeris adalah antara kekuatan yang dimiliki KUIIM.

Selain itu, kepelbagaian pensyarah daripada latar belakang yang berbagai-bagai seperti kaunseling, komunikasi, bioteknologi, ekonomi, sains dan banyak lagi adalah selari dengan penekanan dalam RMK-9 iaitu pembinaan modal insan.

Mengulas bidang mana yang paling mendapat sambutan, jelas beliau jika dilihat menerusi permohonan kemasukan didapati program yang bersifat *double major* lebih mendapat permohonan yang tinggi. Contohnya syariah dan undang-undang di mana mereka menguasai bukan sahaja Undang-undang Sivil tetapi juga berkemahiran dalam Undang-undang Syariah.

Kata Dr. Mohamed Asin lagi, pada Majlis Konvokesyen ke-4 yang akan disambut pada Ogos ini, KUIIM bakal melahirkan seramai 98 graduan sulung Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Keupujian dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM).

Harapan beliau, para graduan ini akan cepat memperoleh pekerjaan memandangkan kombinasi pengajian yang menyeluruh dalam bidang ekonomi, kewangan dan muamalat sebagai satu ke-



DR. MOHAMED ASIN DOLLAH

lebih kepada mereka.

Ini juga sejajar dengan matlamat KUIIM agar dapat memberi sumbangan dalam pembangunan negara supaya pada 2010 ini, Malaysia bukan sahaja bergelar negara maju tetapi rakyatnya terutamanya umat Islam turut sama bergerak seiring kemajuan negara.

Pada pertemuan itu juga Pusat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa KUIIM turut mengumumkan beberapa seminar KUIIM peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang akan berlangsung sepanjang 2006. Antaranya ialah Program Motivasi KUIIM Utusan SPM 11 dan STAM (Jun), Seminar Perbankan dan Kewangan Islam (iBAF) (Ogos), Simposium Pencegahan Penyalahgunaan Dadah Antarabangsa (September), Seminar Undang-undang Syariah dan Comman Law Antarabangsa 2006 (September), Seminar Komunikasi Peringkat Kebangsaan dan Konvokesyen ke-empat pada Ogos ini.

Untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai KUIIM, orang ramai boleh melayari laman web [www.kuim.edu.my](http://www.kuim.edu.my)